

UPSI bantu keluarga pelajar terbabit tragedi kebakaran



MASKANA (tengah) menyampaikan replika cek kepada Siti Nurriyanah sambil disaksikan Abd Ghani. FOTO ihsan UPSI

Tanjung Malim: Tragedi kebakaran besar di Kampung Landung Ayang Laut, Kudat Sabah, pada 16 Februari lalu turut membabitkan rumah seorang pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Dalam kejadian itu, sebanyak 179 rumah hangus termasuk kediaman pelajar Semester 6, Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Malaysia), Fakulti Sains Kemanusiaan, Siti Nurriyanah Supiang@Sopyan.

Siti Nurriyanah berkata, rumah itu dihuni 25 ahli keluarga termasuk ibu saudara.

"Alhamdulillah semuanya sempat keluar daripada kebakaran," katanya.

Menurutnya, akibat dengan kebakaran itu, neneknya terpaksa dikejarkan ke hospital selepas mengalami serangan jantung.

"Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang bersusah payah menghulurkan bantuan kepada saya dan keluarga. Semoga Allah membalas jasa semua dengan berlipat kali ganda," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Norkhalid Salimin berkata, UPSI menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengambil inisiatif melakukan penyelarasan bantuan dengan mengumpulkan sumbangan oleh Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS), Derma Musibah, Tabung UPSI Prihatin serta Tabung Kebajikan Pelajar berjumlah RM2,000 kepada Siti Nurriyanah.

Norkhalid berkata, berpesan agar Siti Nurriyanah dan keluarga tabah menghadapi dugaan berkenaan memandangkan dia sedang bertungkus lumus menyiapkan Pentaksiran Akhir dalam minggu ke-16 semester ketika menerima perkhabaran itu.

Serahan Replika Cek disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Maskana Ahmad di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bangunan Pusat Pelajar, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Disiarkan pada: Februari 24, 2022 @ 7:43pm